

## BAB KETIGA

### KANAK-KANAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### 3.1 Pendahuluan

Setelah dijelaskan pengertian akidah secara terperinci, perbincangan seterusnya akan difokuskan pula kepada kanak-kanak iaitu yang menjadi sasaran dan tumpuan penulis dan juga merupakan penerima kepada pendidikan akidah dalam kajian ini. Penulis akan fokuskan definisi kanak-kanak kepada dua pandangan iaitu pandangan Islam dan juga beberapa pandangan lain.

Sebelum dibincangkan definisi kanak-kanak secara terperinci, terlebih dahulu penulis memetik beberapa pandangan al-Quran mengenai anak. Ia dapat dilihat daripada beberapa aspek antaranya:

1. Anak merupakan pemberian Allah kepada umat manusia.

Sebagaimana firman Allah:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ ۖ أُولَٰئِكُمْ ۖ مِنْ ۖ إِمْلَاقِ ۖ نَحْنُ  
نَرْزُقُكُمْ ۖ وَإِيَّاهُمْ

Surah al- An 'Am (6):15

Maksudnya:

*“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberikan rezeki kepada mereka dan juga kepadamu.”*

Firman Allah :

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ <sup>ط</sup> نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ  
وَإِيَّاكُمْ <sup>ج</sup> إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْأً كَبِيرًا ﴿٣١﴾

Surah al-Isra' (17):31

Maksudnya:

*“Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar.”*

2. Anak merupakan perhiasan hidup.

Sebagaimana Firman Allah:

أَلْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Surah al-Kahfi (18):46.

Maksudnya:

*“Harta dan anak merupakan perhiasan hidup di dunia”*

3. Anak-anak merupakan kesukaan ibu bapa

Apabila anak-anak merupakan kesukaan kepada ibu bapa dan keinginan mereka, maka anak-anak perlu dididik dengan sebaiknya. Mereka tidak sepatutnya hanya bermegah-megah dengan ramainya anak pinak. Sebagaimana firman Allah:

أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَهُوَ  
وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ  
وَالْأَوْلَادِ

Surah al-Hadid (57):20

Maksudnya:

*“Ketahuilah, bahwa sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-banggaan tentang banyaknya harta dan anak,”*

4. Anak-anak merupakan ujian kepada ibu bapa.

Anak-anak hendaklah diberi kasih sayang yang sempurna oleh ibu bapa mereka. Pada masa yang sama, para ibu bapa turut dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dan tidak terlalu sayang kepada anak-anak sehingga menyebabkan mereka melanggar

perintah Allah. Sebaliknya, anak-anak hendaklah diberi didikan yang terbaik.

Sebagaimana firman Allah:

يَتَّيِبُهَا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ  
وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَكُمْ فَاحْذَرُوهُمْ ۚ وَإِنْ تَعَفَّوْا  
وَتَصَفَّحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤﴾  
إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ ۚ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ  
عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Surah al-Taghabun (64):14 dan 15

Maksudnya:

*“Hai orang-orang mukmin, sesungguhnya di antara isteri-isterimu dan anak-anakmu ada yang menjadi musuh bagimu maka berhati-hatilah kamu terhadap mereka dan jika kamu memaafkan dan tidak memarahi serta mengampuni (mereka) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah cubaan (bagimu), dan di sisi Allah-lah pahala yang besar .”*

Firman Allah :

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ  
وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

Maksudnya:

*“Dan ketahuilah, bahwa hartamu dan anak-anakmu itu hanyalah sebagai cobaan dan sesungguhnya di sisi Allah-lah pahala yang besar.”*

Firman Allah :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تُلْهِكُمْ اَمْوَالُكُمْ وَلَا  
اَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللّٰهِ ۗ وَمَنْ يَّفْعَلْ ذٰلِكَ  
فَاُوْلٰئِكَ هُمُ الْخٰسِرُوْنَ ﴿٦٣﴾

Surah al-Munafiqun (63):9

Maksudnya:

*“Hai orang-orang beriman, janganlah hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barangsiapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang merugikan.”*

Berdasarkan beberapa pandangan umum al-Qur ‘an, boleh dirumuskan bahwa anak-anak merupakan suatu pemberian daripada Allah kepada manusia. Manusia seharusnya bersyukur dan menerimanya sebagai satu amanah dan bertanggungjawab untuk mengasuh dan mendidik dengan sebaiknya. Anak-anak juga menjadi perhiasan

hidup bagi ibubapa dan dalam konteks ini Allah S.W.T. juga mengingatkan bahawa pemberian anak-anak itu bukanlah bertujuan untuk dibangga-banggakan, malah ia merupakan salah satu bentuk ujian Allah kepada manusia.

Seterusnya kita tengok pula apakah definisi kanak-kanak menurut perspektif Islam dan menurut beberapa pandangan lain.

### **3.2 Definisi Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam**

Mengikut pandangan Islam, kanak-kanak adalah mana-mana individu yang tidak mampu menguruskan diri sendiri dan masih tertakluk kepada penjaganya. Kanak-kanak dalam kategori ini masih memerlukan orang lain untuk menguruskan hal ehwal dirinya.<sup>1</sup>

Dalam bahasa Arab pelbagai istilah kanak-kanak digunakan, antaranya *awlad*<sup>2</sup> (jamak daripada *walad*), *sibyan*<sup>3</sup> (jamak daripada *sabiy*), *atfal*<sup>4</sup> (jamak daripada *tifl*),

---

<sup>1</sup> Shams al-Din al-Sheikh Muhammad 'Arif al-Faruqi (1230 H), *Hashiah al-Dusuqi 'ala Sharh al-Kabir*. Misr: Dar Ihya al-Kutub 'Arabiah h. 526.

<sup>2</sup> Ahmad Mukhtar 'Umar, *et al.* (1989), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiyyah, h. 1331. Lihat juga Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukrim (1994), *Lisan al-'Arab*, j. 3, c. 4. Beirut: Dar al-Sadir, h. 467. Lihat juga James Hasting (1910), *Encyclopedian Of Religion and Ethics*, vol. 3. Edinburgh: T&T Clark, h. 524-526.

<sup>3</sup> Ahmad Mukhtar 'Umar, *et al.* (1989), *op.cit.*, h. 720

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 794

*ghilman*<sup>5</sup> (jamak daripada *ghulam*), *banun*<sup>6</sup> (jamak daripada *ibn*, anak), *sagha'ir*<sup>7</sup> (jamak daripada *saghir*, kecil) dan juga *nash*<sup>8</sup> (jamak daripada *nashi'i*).

Istilah *awlad* adalah istilah umum kepada kanak-kanak lelaki ataupun perempuan. Ia berasal daripada asal perkataan yang sama dengan *awlad* adalah istilah *mawlad*. Ia digunakan untuk bayi yang dilahirkan.

Istilah *atfal* biasanya bermaksud anak kecil daripada lahir sehingga *mumaiyyiz* atau *baligh*. Kanak-kanak yang belum baligh biasanya dipanggil dengan istilah *sabiy* atau *ghulam*.

Selain daripada perkataan di atas, perkataan *banun* juga digunakan iaitu dengan maksud anak-anak. Dalam kisah Luqman al-Hakim dalam surah Luqman ayat 12, Luqman memanggil anaknya sebagai '*ya bunayya*', bermaksud "wahai anak kesayanganku."

Istilah *sighar* atau kecil seperti *sighar al-sinn* iaitu umur muda melambangkan keadaan fizikal kanak-kanak itu yang tidak lagi mencapai kesempurnaan seperti seorang dewasa, terutamanya fisiologi dan daya intelek.

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 901

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 178

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 736

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 1193

Istilah *nashi'i* juga digunakan untuk kanak-kanak dalam bahasa arab bagi menunjukkan kanak-kanak dalam peringkat pembesaran sebelum meningkat dewasa.

Istilah kanak-kanak yang disebutkan di atas, ada terkandung terdapat dalam al-Quran iaitu:

1) *Sabiy*.

Sebagaimana firman Allah:

يٰٓيٰحٰىيٰ خُذِ الْكِتٰبَ بِقُوَّةٍ ۗ وَاٰتَيْنٰهُ الْحِكْمَ صَبِيًّا



surah Maryam ayat : 12

Bermaksud:

“ Wahai Yahya! Terimalah kitab ini (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh dan kami beri kepadanya hikmah kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak.”

Firman Allah lagi dalam surah Maryam ayat 29:



قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْأَمْهَدِ صَبِيًّا ﴿٢٩﴾

Surah Maryam : 29.

Maksudnya:

“Maka Mariam segera menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata (dengan hairannya): “Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian?”

Perkataan *Sabiy* yang dimaksudkan dalam dua ayat di atas ialah kanak-kanak lelaki yang umurnya belum mencapai tahap baligh<sup>9</sup> dan masih dalam buaian dan masih lagi menyusu.<sup>10</sup>

2) *Walad*

Sebagaimana firman Allah :

قَالَتْ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ

surah Ali ‘Imran ayat : 47

Bermaksud:

“Mariam berkata: “Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?.....”

<sup>9</sup> Muhammad ‘Ali al-Sabuni (1997), *Safwah al-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Sabuni, j. 2, h. 195

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 197

3) *Atfal*

Firman Allah :

وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ  
فَلْيَسْتَعِذُوا كَمَا أَسْتَعِذْنَ الَّذِينَ مِنْ  
قَبْلِهِمْ

Surah an-Nur (24): 59

Bermaksud:

*“ Dan apabila kanak-kanak di kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang yang telah cukup umur....”*

Perkataan *atfal* yang dimaksudkan di sini ialah kanak-kanak lelaki yang umurnya belum mencapai umur taklif.<sup>11</sup>

4) *Ghulam*.

Firman Allah :

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, 319

قَالَ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَقَدْ بَلَغَنِيَ  
الْكِبَرُ وَامْرَأَتِي عَاقِرٌ

surah Ali 'Imran (3): 40

Bermaksud:

*“ Nabi Zakaria berkata: “ Wahai tuhanku! Bagaimanakan aku akan beroleh seorang anak, padahal sebenarnya aku telah tua dan isteriku pula mandul?....”*

5) *Ibn/Banun/Banin*

Firman Allah S.W.T. :

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ  
النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ

Surah Ali 'Imran (3) : 14

Bermaksud:

*“Dihiaskan (dijadikan indah) kepada manusia : kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak pinak.....”*

Firman Allah :

فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ

Surah Ali 'Imran (3): 61

Maksudnya:

*“Maka katakanlah kepada mereka: “marilah kita menyeru kepada anak- anak kami dan anak-anak kamu, dan perempuan-perempuan kami dan perempuan-perempuan kamu.....”*

6) *Saghir*

Firman Allah :

وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

surah al-Isra' :24.

Bermaksud:

*“ Dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurkanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.””*

Istilah kanak-kanak yang selalu digunakan dalam kitab-kitab fiqh, ialah *sabiy*, *ghulam* dan *saghir* bagi kanak-kanak lelaki dan *sabiyyah*, *jariyah* dan *saghirah* bagi kanak-kanak perempuan.<sup>12</sup>

Perkataan-perkataan tersebut menunjukkan sifat atau keadaan fisiologinya sebagai *sighar* (kecil) atau *sighar al-simm* (umur muda) atau *siba* (muda atau kecil). Justeru itu, kanak-kanak adalah individu yang mempunyai sifat atau keadaan fisiologi yang tidak sempurna pertumbuhan daya kemanusiaannya iaitu pertumbuhan fizikal dan juga daya intelek. Keadaan ini menjadi sifat yang biasa bagi setiap individu sejak dilahirkan hingga mencapai umur dewasa.<sup>13</sup>

Berdasarkan penggunaan istilah-istilah kanak-kanak di dalam al-Quran seperti *awlad*, *tifl*, *ibn* dan *saghir* ia merujuk kepada kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh, manakala *sabiy* dan *ghulam* pula merujuk kepada kanak-kanak yang masih kecil dan masih lagi menyusu.

---

<sup>12</sup> Lihat contoh penggunaan perkataan-perkataan ini dalam: Jalal al-Din ‘Abd. Rahman al-Suyuti (t.t), *al-Ashbah wa al-Naza’ir fi Qawa’id wa Furu’ Fiqh al-Shafi’iyyah*, Kaherah : Mustafa al- Halabi, h. 240-247; Lihat juga Zayn al-‘Abidin bin Ibrahim bin Nujaym (1387H/1968), *al-Ashbah wa al-Naza’ir ‘ala-Madhhab Abi Hanifah al-Nu’man*, Kaherah: Muassasah al-Halabi, , h. 306; Lihat juga ‘Abd Rahman al-Jaziri (t.t), *Kitab al-Fiqh ‘ala-al-Madhhab al-‘Arba’ah*, j. 2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 350; Lihat juga ‘Ala al-Din Abi Bakr bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi (1402H/1982), *Kitab Bad’i al-Sana’i fi-Tartib al-Sara’i*, j. 7. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, h. 169-171; Lihat juga Qadi Zadeh Afandi, Shams al-Din Ahmad bin Qawdar (1389H/1970), *Natai’j al-Afkar fi Kashf al-Rumuz wa al-Asrar Takmilah Fath al-Qadir li Ibn al-Humam*, j. 9. Kaherah : Mustafa al-Halabi, h. 260-270; Lihat juga Abu al-Naja Sharaf al-Din Musa al-Hijawi al-Maqdisi (t.t), *al-Iqna’ fi Fiqh al- Imam Ahmad Ibn Hambal*, j. 2. Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 221; Lihat juga al-Qadi Burhan al-Din Ibrahim bin ‘Ali bin Abi al-Qasim bin Muhammad bin Farhun al-Maliki al-Madani (1387H/1958), *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-‘Aqdiyah wa manahij al-Ahkam*, dicetak bersama ‘Ulaysh, Fath al-‘Ali al-Malik, j. 2. Kaherah : Mustafa al-Halabi, h. 256-257. Lihat juga Alwi Hj. Ab. Rahman (2003), *Jenayah Kanak-kanak Menurut Undang-undang Islam*, c. 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

<sup>13</sup> ‘Abd Rahman al-Jaziri (t.t), *op.cit.*, h. 2350.

### 3.3 Definisi Kanak-Kanak Menurut Beberapa Pandangan Lain

Menurut Kamus Dewan, kanak-kanak atau dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *child* atau *small child* ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil biasanya yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun.<sup>14</sup>

Mengikut Akta Kanak-kanak 2001<sup>15</sup>, kanak-kanak didefinisikan sebagai seorang yang berumur di bawah 18 tahun. Di samping itu, bagi tafsiran prosiding jenayah didefinisikan sebagai seseorang yang berumur 10 hingga 18 tahun (Kekal merujuk seksyen 82 Kanun Keseksaan).<sup>16</sup>

Menurut Crain, hasil kajiannya terhadap teori Rousseau mendapati bahawa kanak-kanak ialah mereka yang berumur 2 hingga 15 tahun.<sup>17</sup>

Ahli falsafah barat berpendapat bahawa zaman kanak-kanak di kalangan manusia adalah yang terpanjang berbanding makhluk lain seperti binatang, masa perkembangan kanak-kanak ini berfaedah kepada manusia kerana tiada makhluk lain yang lebih lemah dan bergantung kepada alam sekitarnya lebih dari kanak-kanak.<sup>18</sup>

---

<sup>14</sup> Noresah Baharom (2007), *op.cit.*, h. 668. Lihat juga Edward William Lane (1968), *An-Arabic-English Lexicon*, vol. 8. Beirut: Librairie Du Liban, h. 2966.

<sup>15</sup> Akta ini mula dikuatkuasa pada 1 Ogos 2002 merupakan suatu akta yang meminda, menyatukan dan memasukan peruntukan-peruntukan baru daripada 3 akta utama iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991.

<sup>16</sup> Akta Kanak-kanak 2001, <http://www.sabah.gov.my/jpka/upkkak/Akk-2001.htm>, 1 Mei 2009. Lihat juga Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, <http://www.jkm.gov.my/jkm/index>, 1 Mei 2009. Lihat juga Seksyen 2(1) Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Lihat juga Raihanah Hj. Abdullah (1999), Penganiayaan Kanak-kanak: Masalah & Penyelesaiannya di Malaysia dalam *Jurnal Fikrah*, j. 2, Januari-Disember. Shah Alam: Khairon Ilmu Enterprise, h. 130.

<sup>17</sup> W.Crain (1992), *Theories Of Development : Concepts and Applications (3 rd Ed)*. New York: Prentice – Hall, h. 16.

<sup>18</sup> Hassan Langgulung (1979), *Pendidikan Dan Peradaban Islam : Suatu Analisa Sosio Psikologi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 19.

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan lain, kanak-kanak merujuk kepada mereka yang berumur di bawah lapan belas tahun. Skop umur yang ditentukan ini adalah berasaskan kepada kajian-kajian yang dilakukan.

### **Perbandingan Antara Definisi Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam Dan Beberapa Pandangan Lain.**

Berdasarkan perbincangan mengenai definisi kanak-kanak menurut perspektif Islam dan pandangan lain, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat satu perbezaan utama iaitu cara penentuan umur akhir kanak-kanak berasaskan tempoh peralihan kanak-kanak ke alam dewasa.

Menurut pandangan Islam, seseorang yang belum baligh dikenali sebagai kanak-kanak (*al-sabiy* atau *al-ghulam*).<sup>19</sup> Keadaan ini dijelaskan lagi oleh sebuah hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ali bin Abi Talib dan ‘A’isyah r.a. yang bermaksud:

*“Tiga orang yang tidak dikira sebagai bertanggungjawab ke atas perbuatannya, iaitu seorang yang tidur sehingga dia sedar daripada tidurnya, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh) dan seorang yang gila sehingga dia siuman.”*<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Jalal al-Din ‘Abd. Rahman al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h. 240. Lihat juga Zayn al-‘Abidin bin Ibrahim bin Nujaym (1387H/1968), *op.cit.*, h. 306.

<sup>20</sup> Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash’ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin ‘Amru al-Azdi al-Sajistani, *Sunan Abi Dawud*, Dicitak bersama, al-Hafiz al-Mundhiri (1980), *Mukhtasar Sunan Abi Dawud*, Beirut : Dar al-Ma’rifah Kitab al-Hudud, j. 6, h. 232. Lihat al-Bukhari dan al-Darimi juga meriwayatkan hadis yang sama maksudnya tetapi dengan berlainan lafaz, lihat Abu ‘Abdullah Muhammad bin Isma’il al-Bukhari (1403H/1983), *Sahih al-Bukhari*, Dicitak bersama al-Qastallani, *Irshad al-Sari li Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi, Kitab al-Hudud, j. 10, h. 9. Lihat juga Abu Muhammad ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman al-Darimi (t.t), *Sunan al-Darimi*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Kitab al-Hudud, j. 2, h. 171.

Hadith ini menjelaskan bahawa kanak-kanak ialah seorang yang belum dewasa (yang masih di bawah umur baligh).<sup>21</sup>

Penentuan baligh dalam Islam tidak ditentukan secara khusus bila umur berlaku baligh. Ini kerana umur baligh adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain. Dalam menentukan had umur berakhirnya peringkat kanak-kanak, terdapat beberapa perbezaan pandangan mazhab antaranya:

- a) Mazhab al-Syafi'i, terdapat tiga pendapat. Pendapat pertama mengatakan apabila seseorang kanak-kanak lelaki atau perempuan mencapai umur genap lima belas tahun *qamariah*.<sup>22</sup> Pendapat kedua mengatakan apabila kanak-kanak tersebut mulai berumur lima belas tahun. Pendapat ketiga, sebagaimana riwayat al-subki, mengatakan enam bulan setelah kanak-kanak tersebut mencapai umur lima belas tahun.<sup>23</sup>
- b) Mazhab al-Hanbali menetapkan bahawa umur dewasa atau baligh akan berlaku apabila seseorang kanak-kanak lelaki ataupun perempuan mencapai umur lima belas tahun. Persamaan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah berdasarkan *qiyas*, iaitu *diiqiyaskan* umur

---

<sup>21</sup> Dalam undang-undang positif atau undang-undang ciptaan manusia disebut sebagai seorang yang di bawah umur. Lihat Alwi Hj. Abd. Rahman (2003), *op.cit.*, h. 4.

<sup>22</sup> Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli (1375H/1956), *Sharh Minhaj al-Talibin*, j. 2. Kaherah: Mustafa al-Halabi, h. 300.

<sup>23</sup> *Ibid.*



dengan 'keluar mani' yang diterima sebagai tanda baligh sama ada bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan.<sup>24</sup>

c) Mazhab al-Hanafi pula mengatakan bahawa umur dewasa akan bermula apabila genap lima belas tahun umur bagi seseorang kanak-kanak lelaki dan perempuan. Tetapi menurut Abu Hanifah sendiri kedewasaan akan berlaku apabila kanak-kanak lelaki genap lapan belas tahun dan genap tujuh belas tahun bagi seseorang kanak-kanak perempuan.<sup>25</sup>

d) Mazhab al-Maliki pula mengatakan bahawa umur dewasa akan bermula apabila genap lapan belas tahun umur seseorang kanak-kanak lelaki atau perempuan. Tetapi ada pendapat dalam mazhab ini yang mengatakan bahawa umur dewasa akan berlaku apabila seseorang kanak-kanak itu mencapai usia lapan belas tahun.<sup>26</sup>

Daripada perbezaan pendapat tersebut jelas menunjukkan bahawa terdapat dua pendapat. Pendapat pertama mereka memilih tahap umur pertengahan atau umur kebiasaan, iaitu lima belas tahun sebagai umur baligh. Pada kebiasaannya, apabila kanak-kanak mencapai umur lima belas tahun, dia mengalami tanda fisiologi yang menunjukkan

---

<sup>24</sup> Abu al-Naja Sharaf al-Din Musa al-Hijawi al- Maqdisi (t.t), *al-Iqna' fi Fiqh al- Imam Ahmad Ibn Hanbal*, j. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 300.

<sup>25</sup> Muhammad Amin Ibn 'Abidin (1386H/1966), *Hashiyah Radd al-Muhktar 'ala al-Durr al-Mukhtar*, ed.2, j. 6. Kaherah: Mustafa al-Halabi, h. 153.

<sup>26</sup> Shams al-Din al-Shaikh Muhammad 'Arafah al-Dusuqi (t.t), *Hashiyah al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*, j.3 . Kaherah: 'Isa al-Halabi, h. 293.

dia telah baligh. Sementara pendapat yang kedua pula memilih umur maksimum, iaitu lapan belas tahun sebagai langkah berhati-hati supaya lebih terjamin bahawa kanak-kanak tersebut sudah baligh malah sudah mempunyai keupayaan untuk mentadbir dan mengurus kehidupan harian dan hartanya.

Bagi kanak-kanak perempuan pula, al-Syafi'i, al-Hanafi dan al-Hanbali berpendapat umur wanita mula keluar darah haid ialah sekurang-kurangnya sembilan tahun *qamariah*<sup>27</sup>. Pendapat ini didasarkan kepada kata-kata 'A'isyah r.a. yang bermaksud:

*“ Apabila kanak-kanak perempuan genap umur sembilan tahun, dia dianggap wanita.”*<sup>28</sup>

Umur sembilan tahun sudah sesuai bagi wanita untuk mengandung, melahirkan anak serta mendidiknya. Syafi 'i berkata: Secepat-cepat wanita datang haid yang aku dengar ialah wanita Tihamah, mereka ini datang haid semasa umur sembilan tahun.<sup>29</sup>

Oleh kerana darah haid didapati darah pada kemaluan kanak-kanak perempuan yang sudah genap sembilan tahun, ia adalah dianggap darah haid dan secara automatik dia menjadi baligh. Sekiranya didapati darah keluar dari kemaluan kanak-kanak perempuan bawah umur sembilan tahun, ia tidak dianggap darah haid. Ia dianggap darah istihadah atau darah penyakit.

---

<sup>27</sup> Anisah Abdul Ghani (2007), *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*. Selangor : CA ED Enterprise, h. 20.

<sup>28</sup> Ibn Qudamah (t.t.), *al-Mughni wa Sharh al-Kabir*, j. 1, Dar al-Fikr, h. 201.

<sup>29</sup> al-Khatib Al-Sharbini (t.t.), *al-'Iqna' dalam Hashiyah Bijayrani 'ala Sharh al-Khatib*, j. 1, h. 108.

Ada sesetengah wanita pula tidak datang darah haid sehingga umur 18 tahun, dua puluh tahun atau tidak pernah datang haid seumur hidup. Dalam masalah ini, jumhur ulama telah menentukan umur baligh bagi mereka ialah apabila cukup umur 15 tahun.<sup>30</sup>

Manakala dari sudut pandangan-pandangan lain pula, kanak-kanak merujuk kepada mereka yang berumur di bawah lapan belas tahun. Tempoh berakhirnya zaman kanak-kanak ditentukan secara tepat sama ada kanak-kanak lelaki atau perempuan iaitu apabila mereka mencapai umur lapan belas tahun. Ini adalah berasaskan kepada kajian-kajian yang dilakukan. Penetapan umur akhir kanak-kanak ini terdapat juga dalam beberapa pandangan ulama Islam. Namun apa yang membezakannya ialah pandangan menurut ulama Islam menampakkan penentuan umur adalah bersifat fleksibel. Ini kerana mereka mengambil kira umur baligh berasaskan kepada terdapat tanda-tanda fisiologi bagi menandakan baligh seseorang.

### **3.4 Perkembangan Kanak-kanak**

Sudah menjadi fitrah seluruh manusia akan mengalami tahap-tahap perkembangan tertentu di dalam kehidupan ini. Perkembangan membawa erti perubahan yang berlaku dengan masa, perkembangan tersebut meliputi perkembangan fizikal serta mental yang akan menyaksikan pertambahan umur. Dengan meningkatnya umur

---

<sup>30</sup> Wahbah al- Zuhaily (1404H/1985), *al-Fiqh Islami wa Adillatuh*, j. 1, h. 456.

perubahan evolusi yang lain akan turut berlaku antaranya, sahsiah, kognitif, moral dan lain-lain.<sup>31</sup>

Pakar psikologi kebanyakannya bersetuju yang rupa bentuk dan personaliti individu terbentuk pada waktu kanak-kanak. Ini adalah kerana pada masa inilah berlakunya perkembangan fizikal dan minda mereka.<sup>32</sup> Ertinya sepanjang proses perkembangan kanak-kanak, mereka amat peka dengan alam sekeliling mereka. Walaubagaimanapun mereka tetap memerlukan perhatian daripada pengasuh terutamanya daripada ibu dan bapa. Setiap perbuatan serta tingkah laku kedua ibu bapa akan menjadi perhatian mereka, lantas disimpan dalam memori mereka sebagai petunjuk.

Proses pertumbuhan ke arah peringkat pendewasaan mengambil masa yang berbeza-beza antara individu dengan individu yang lain. Perbezaan jangka masa ini bergantung pada kecepatan proses pertumbuhan fizikal dan daya intelek.

Menurut Islam, proses pertumbuhan ke arah peringkat pendewasaan, kanak-kanak akan melalui dua peringkat pertumbuhan fisiologi iaitu peringkat sebelum *mumaiyyiz* dan peringkat *mumaiyyiz*. Para fuqaha' membezakan dua peringkat ini dengan sifat *tamyiz* yang dicapai oleh setiap kanak-kanak pada masa pertumbuhannya.

---

<sup>31</sup> Mahmood Nazar Mohamad (2001), *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 200.

<sup>32</sup> *Ensiklopedia Pelajar Oxford Fajaf Bakti* (1995), j. 3. Shah Alam : Fajar Bakti, h. 27

*Tamyiz* ialah kata terbitan daripada kata kerja *maiyyaza, yumaiyyizu*, yang bererti mengutamakan sesuatu daripada yang lain atau mengasingkan sesuatu daripada yang lain.<sup>33</sup>

*Tamyiz* dari segi bahasa bererti keupayaan untuk membezakan sesuatu. Dari segi istilah fiqh, terdapat berbagai-bagai pendapat di kalangan fuqaha' yang cuba menghuraikan maksud *tamyiz* dengan menggambarkan sifat seorang kanak-kanak yang *mumaiyyiz*. Antaranya ialah kanak-kanak itu mampu makan, minum dan bersuci bersendirian tanpa pertolongan orang lain.<sup>34</sup> Ada pendapat yang menggambarkan maksudnya dengan keupayaan memahami pertanyaan dan dapat menjawabnya. Pendapat lain pula menggambarkannya dengan keupayaan mengetahui perkara yang berbahaya dan berfaedah. Ada pula yang menggambarkan dengan keupayaan membezakan tangan kiri daripada tangan kanan. Pendapat terakhir ini berdasarkan sebuah hadith<sup>35</sup> yang diriwayatkan oleh Mu'adh bin Abdullah bin Khubayb al- Juhani<sup>36</sup> yang bermaksud :

*“Pernah ditanya kepada Rasulullah s.a.w tentang masa kanak-kanak perlu disuruh sembahyang, maka baginda menjawab: ‘Apabila dia dapat membezakan tangan kanan daripada tangan kiri maka suruhlah dia sembahyang’”.*

Menurut Abu Zahrah, para fuqaha' menjelaskan maksud *tamyiz* ialah keupayaan memahami secara umum kesan-kesan daripada kontrak jual beli; iaitu dapat memahami kesan daripada menjual ialah barang yang dijual akan keluar daripada milik penjual dan

---

<sup>33</sup> Majma' al- Lughah al- 'Arabiyyah (1973/1393H), *al-Mu'jam al-Wasit*. Beirut: Dar al-Ma'rif. Lihat juga *al-Munjit fi al-Lughah wa al-A 'lam* (t.t), Beirut: Dar al-Mashriq, di bawah perkataan: *mayaza*, h.101

<sup>34</sup> Shahab al- Din Ahmad bin Salamah al-Qalyubi al-Misri (1375H/1965), *Hashiyah*, j. 1. Kaherah: Mustafa al-Halabi, h. 121.

<sup>35</sup> Ibrahim al-Bayjuri (1280H), *Hashiyah Ibrahim al-Bayjuri*, j. 1. Misr: Dar al-Tiba'ah al-Kubra al-Misriyyah, Bulaq, h. 121.

<sup>36</sup> Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin 'Amru al-Azdi al-Sajistani, (t.t.), *op.cit.*, h. 271.

kesan daripada membeli ialah barang yang dibeli akan menjadi milik pembeli sebagai pertukaran dengan wang (atau harta) yang dibayar kepada penjual, Dengan perkataan lain, *tamyiz* ialah keupayaan memahami bahawa menjual bererti keluar sesuatu daripada milik penjual, dan membeli bererti masuk sesuatu ke dalam milik pembeli.<sup>37</sup>

Daripada penjelasan ini dapat dirumuskan bahawa *tamyiz* menurut pengertian fiqh ialah keupayaan memahami percakapan, mengenali sesuatu, menunaikan keperluan peribadi bersendirian tanpa pertolongan orang lain dan mampu membezakan antara kebaikan dengan keburukan.

Sehubungan dengan itu, syari'at Islam telah menetapkan sifat *tamyiz* sebagai syarat untuk mengesahkan niat. Oleh itu, ibadat seorang kanak-kanak yang belum *mumaiyyiz* dan orang gila tidak dikira sebagai sah kerana mereka tidak mempunyai sifat *tamyiz*.<sup>38</sup>

Sifat *tamyiz* yang sempurna tidak tercapai dengan sekaligus tetapi berkembang selari dengan pembesaran kanak-kanak ketika proses pendewasaannya.

---

<sup>37</sup> Muhammad Abu Zahrah (t.t), *al-Jarimah wa al-'Uqubah (al-Jarimah)*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 462.

<sup>38</sup> Zayn al-'Abidin bin Ibrahim bin Nujaym (1387H1968), *op.cit.*, h. 50. Lihat juga Abu al-Naja Sharaf al-Din Musa al-Hijawi al-Maqdisi (t.t), *op.cit.*, h. 81. Lihat juga Jalal al-Din 'Abd. Rahman al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h. 40.

Menurut para hukama' (ahli-ahli falsafah), ketika proses pendewasaan berlaku, setiap kanak-kanak akan melalui dua peringkat perkembangan iaitu peringkat sebelum *mumaiyyiz* dan selepas *mumaiyyiz*. Setiap peringkat berlangsung selama tujuh tahun.<sup>39</sup>

(A) Peringkat Sebelum *Mumaiyyiz*

Peringkat ini bermula sejak seseorang kaanak-kanak dilahirkan sehingga umurnya hampir genap tujuh tahun. Pada kebiasaannya sepanjang peringkat ini, kanak-kanak tidak mempunyai sifat *tamyiz*; belum lagi dapat berfikir untuk membezakan perkara yang baik dengan sempurna antara perkara yang buruk, tidak dapat menjangkakan kesan bagi sesuatu tindakan atau perbuatan dan belum mempunyai *idrak* (keupayaan memahami).<sup>40</sup>

Kanak-kanak tidak akan menggunakan pertimbangan akal fikiran mereka sendiri kerana masih tidak mampu membezakan dan tidak mengetahui keperluan yang patut mereka terima pada waktu itu. Kerana itulah mereka perlu kepada perhatian ibu bapa atau pengasuh.

Kanak-kanak dalam peringkat ini dinamai kanak-kanak yang belum *mumaiyyiz* (dalam bahasa Arab disebut *al-sabiy ghayr al-mumaiyyiz*).

(B) Peringkat *Mumaiyyiz*

---

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 245

<sup>40</sup> 'Abd al-Qadir 'Awdah (t.t), *al-Tashri' al-Jina'i al-Islam Muqaranan bi al-Qanun al-Wad 'i*, j. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 601.

Peringkat *mumaiyyiz* pula, ditakrif sebagai peringkat yang mana kanak-kanak telah dapat membezakan antara perkara yang baik atau yang buruk, perkara yang merbahaya atau tidak. Jika di dalam bidang perwalian atau nafkah, kanak-kanak *mumaiyyiz* ini ditafsirkan sebagai mereka yang mampu memahami akad-akad asas. Pada waktu ini ibu bapa perlu mengajar kepada mereka ibadat solat secara praktikal.<sup>41</sup>

Peringkat kedua ini bermula apabila umur seseorang kanak-kanak itu genap tujuh tahun, kerana mulai umur tersebut barulah terdapat pada dirinya sifat *tamyiz*. Justeru itu, para fuqaha' menetapkan bahawa umur minimum wujudnya sifat *tamyiz* ialah tujuh tahun.<sup>42</sup>

Penetapan umur tujuh tahun sebagai umur minimum bagi kanak-kanak mempunyai sifat *tamyiz* merupakan pendapat yang terkuat, kerana terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh 'Abd. Al-Malik bin al-Rabi' bin Sabrah dan ayahnya daripada datuknya :

#### *Maksudnya*

*“Ajarlah (atau suruhlah) kanak-kanak bersembahyang ketika berumur tujuh tahun dan pukullah dia ketika berumur sepuluh tahun”<sup>43</sup>*

---

<sup>41</sup> Mohd. Amin H.A Sharif (2003), *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1

<sup>42</sup> Muhammad Abu Zahrah (t.t), *op.cit.*, h. 562

<sup>43</sup> Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin 'Amru al-Azdi al-Sajistani, (t.t.), *op.cit.*, h. 270. Lihat juga Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah al-Salmi al-Tirmidhi (t.t), *Sahih al-*



Hadith tersebut menyeru kita supaya mengajar kanak-kanak bersembahyang apabila berumur tujuh tahun, sedangkan untuk belajar, seseorang itu mestilah mempunyai daya berfikir. Hadith ini menunjukkan bahawa daya berfikir akan wujud apabila seseorang kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun.<sup>44</sup>

Kanak-kanak dalam peringkat ini dikenali sebagai kanak-kanak yang *mumaiyyiz* (dalam bahasa Arab disebut *al-sabiy al-mumaiyyiz*), kerana pada peringkat ini, kanak-kanak mulai dapat berfikir untuk membezakan antara perkara yang baik dengan yang buruk atau sudah mempunyai *idrak* (keupayaan memahami). Walau bagaimanapun, kemampuannya masih pada tahap yang lemah<sup>45</sup> dan kurang kalau dibandingkan dengan sifat *tamyiz* yang ada pada orang dewasa.<sup>46</sup>

Peringkat ini akan berterusan sehingga sifat *tamyiz* sempurna iaitu apabila kanak-kanak itu telah baligh<sup>47</sup> kerana *tamyiz* bermula dalam bentuk yang belum sempurna (*al-tamyiz al-naqis*) dan akan berkembang menjadi sempurna apabila seseorang kanak-kanak itu menjadi *baligh*.<sup>48</sup> Oleh itu, umur maksimum bagi *tamyiz* ialah umur *baligh*. Pada

---

*Tirmidhi*: Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, Kitab al-Salah, j. 2, h. 198. Lihat juga Abu Muhammad ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman al-Darimi (t.t), *op.cit.*, Kitab al-Salah, j. 2, h. 333.

<sup>44</sup> Muhammad Salam Madkur (1976), *Usul al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah, h. 81.

<sup>45</sup> ‘Abd al-Qadir ‘Awdah (t.t), *op.cit.*, j, 1 h. 602.

<sup>46</sup> Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Shawkani (1399H/1979), *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-haq min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 11. Lihat juga Alwi Hj. Abd. Rahman (2003), *op.cit.*, h. 6.

<sup>47</sup> Muhammad Abu Zahrah (t.t.), *op.cit.*, h. 462.

<sup>48</sup> Muhammad Salam Madkur (1976), *op.cit.*, h. 81.

ketika itu dia tidak lagi dinamai kanak-kanak tetapi “pemuda” (di dalam bahasa Arab disebut *shab*).<sup>49</sup>

Para fuqaha’ menggunakan perkataan *tamyiz* atau *mumaiyyiz* hanya bagi kanak-kanak sahaja. Bagi orang dewasa, iaitu setelah *baligh*, dia tidak lagi dinamai *mumaiyyiz*, tetapi dinamai “orang yang berakal” (*‘aqil*) untuk menunjukkan bahawa dia sudah mencapai tahap *tamyiz* yang sempurna atau mempunyai “akal fikiran yang sempurna atau matang” (*‘aql kamil*), di samping pertumbuhan fizikalnya juga sempurna. *Tamyiz* yang digunakan pada kanak-kanak tidak bermaksud sudah berakal dengan sempurna, tetapi hanya boleh berfikir dan membezakan antara perkara yang buruk dengan yang baik.

Mengikut kajian barat, terdapat beberapa perkembangan berlaku pada kanak-kanak ketika mereka berusia 3 hingga 6 tahun iaitu ketika mereka berada dalam proses menerima pendidikan awal, antaranya;

#### **a. Perkembangan Fizikal**

Perkembangan fizikal bermaksud perkembangan terhadap tubuh badan manusia sewaktu proses pembesarannya. Perkembangan fizikal yang normal akan kebanyakan menyaksikan kanak-kanak kelihatan comel, tegap dan sihat. Pada peringkat ini peryambahan berat badan dan tinggi tidak begitu pesat bebanding pada peringkat bayi. Kadar pertumbuhan otot mereka juga seimbang dengan berta badannya. Pertumbuhan

---

<sup>49</sup> Zayn al-‘Abidin bin Ibrahim bin Nujaym (1387H1968), *op.cit.*, h. 306.

pesat berlaku pada usia 5 hingga 6 tahun, sama ada pertumbuhan otot mahupun penambahan berat badan mereka.<sup>50</sup>

Maka dengan sewajarnya ibu bapa memastikan aspek-aspek penting yang boleh membantu kepada perkembangan fizikal mereka ini tidak terabai, dikhuatiri akan memberi kesan negatif kepada lain-lain perkembangan yang akan menghalang mereka daripada menjadi kanak-kanak yang aktif serta cergas dari sudut fizikal dan minda.

## **b. Perkembangan Emosi**

Emosi ialah keadaan yang menunjukkan reaksi seseorang terhadap sesuatu benda dan keadaan. Reaksi muncul tiba-tiba dan membayangkan perasaan seseorang pada ketika itu. Keadaan gerak balas ini menghasilkan perubahan dalam badan, pengalaman emosi dan pernyataan emosi.

Bentuk emosi yang diperlihatkan kanak-kanak bergantung kepada apa yang dialaminya, iaitu tentang cara untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendaki dengan mudah dan cepat, cara yang mendatangkan kepuasan yang diterima masyarakat. Bagi

---

<sup>50</sup> Rozumah Baharuddin (1992), *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 20

menunjukkan emosi mereka kanak-kanak turut meniru cara orang dewasa melepaskan emosi mereka.

Pergaulan kanak-kanak pra sekolah akan bertambah luas, interaksinya tidak lagi hanya dengan kedua ibu bapa dan ahli keluarga sahaja. Malah pergaulan luar ini adalah amat penting bagi membentuk kebolehan mereka dalam berinteraksi, bertingkah laku dan belajar tentang nilai-nilai hidup yang lain. Kanak-kanak pada peringkat ini mempunyai perasaan cemburu terhadap rakan-rakan sebaya mereka, ini disebabkan mereka memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada guru jika di sekolah dan ibu bapa jika berada di rumah.<sup>51</sup>

Bermain adalah salah satu aspek yang penting yang boleh menolong mematangkan emosi pada peringkat ini, bermain boleh mengurangkan ketegangan dan yang paling penting sambil bermain mereka boleh melepaskan perasaan mereka dengan menggunakan peraturan. Pada waktu ini ibu bapa, penjaga dan guru haruslah peka dengan pertuturan mereka ketika berkomunikasi dengan kanak-kanak kerana kanak-kanak pada waktu ini gemar meniru apa yang diperbuat oleh orang dewasa. Pertuturan yang tidak baik haruslah dielakkan dan hanya komunikasi yang bertujuan diperdengarkan harus dituturkan. Belaian dan cara memberi pengajaran juga harus dititikberatkan kerana sebarang kesilapan akan memberi kesan kepada perkembangan emosi kanak-kanak iaitu sama ada mereka akan mempunyai kemampuan untuk

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 38.

menangani dan mempamerkan emosi mereka sewaktu bersama-sama dengan orang sekeliling.<sup>52</sup>

### **c. Perkembangan Bahasa**

Bahasa merupakan campuran kebolehan yang diperlukan untuk berkomunikasi bahasa dan pengeluaran perkataan. Pada peringkat kanak-kanak berada di pra sekolah perkembangan bahasa berlaku dengan pesat. Mereka pada ketika ini banyak bercakap, banyak bertanya, suka bermain ayaat-ayat dan bercakap mengenai apa sahaja yang menarik minat mereka.<sup>53</sup>

Apabila kanak-kanak mula petah berkata-kata mereka akan mula boleh membaca dengan baik. Selain itu perkembangan bahasa kanak-kanak amat dipengaruhi oleh faktor persekitaran, keluarga, kesihatan, kecerdasan dan alam sekitar. Jika salah satu daripada faktor tersebut tidak membantu berkemungkinan besar akan timbul masalah kepada perkembangan bahasa kanak-kanak.

### **d. Perkembangan Sosial**

Perkembangan sosial bermaksud keupayaan untuk bertingkah laku mengikut apa yang dikehendaki oleh masyarakat. Dalam hal ini perkembangan sosial kanak-kanak boleh membawa maksud 'keupayaan kanak-kanak untuk bertindak atau bertingkah laku

---

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Mohd. Amin H.A Sharif (2003), *op.cit.*,h. 33.

sepertimana yang diterima oleh masyarakat”. Apabila memasuki alam pra sekolah mereka akan bertemu dengan rakan sebayanya. Kanak-kanak yang mula akan merasa diri mereka dan kehadiran mereka diperlukan dalam kumpulan itu.<sup>54</sup> Jelas kepada kita semasa bergaul kanak-kanak dapat menunjukkan satu gerak balas sosial sebagai satu tindakan terhadap kawan-kawannya. Sebagai contoh, mereka cepat merasa sedih apabila kawan-kawannya berada di dalam kesusahan dan kesedihan.

Kanak-kanak juga akan lebih banyak berinteraksi dengan kawan-kawannya, keluarga juga dengan berada yang menarik pada perhatian mereka. Pada waktu ini juga kanak-kanak biasanya akan menjadi ahli kepada satu kumpulan yang terdiri daripada mereka yang sebaya dengannya, berfikir dan bertindak bersama. Ini adalah kerana mereka ialah keluarga, adik beradik dan rakan sebaya.

#### **e. Perkembangan Sahsiah**

Sahsiah merupakan tingkah laku seseorang individu menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling.<sup>55</sup> Sebenarnya perkataan sahsiah menimbulkan pengertian antaranya sahsiah ialah pola tingkah laku yang unik bagi seseorang. Ia juga merupakan ciri tingkah laku seseorang yang konsisten dapat dilihat semasa memberi tindak balas ke atas sesuatu

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 57.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 63

institusi, sahsiah berkaitan dengan perasaan, intelek dan cara menyesuaikan diri dengan persekitaran.<sup>56</sup>

Bagi anak-anak pra sekolah, mereka sudah dapat menerima idea dan pendapat orang lain bagi membantu sahsiah mereka, buktinya mereka boleh berkongsi barang, suka mengambil hati orang dewasa dan melahirkan kasih sayang.<sup>57</sup> Melalui perhubungan dengan rakan sebaya kanak-kanak pra sekolah akan belajar berdikari, bersifat jujur dan saling maaf memaafkan antara satu sama lain.<sup>58</sup> Perkembangan sahsiah juga amat terpengaruh dengan keadaan keluarga dan alam persekolahan.

### **3.5 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Anak**

Ibu bapa perlu menyedari bahawa perkembangan anak-anak bergantung kepada dua elemen berikut iaitu:

- a) Warisan

---

<sup>56</sup> Prof. Dr. Khadijah Rohani Mohamad Yunus (2000), "Perkembangan Sahsiyah Anak-anak : Bagaimanakah Ibu Bapa Dapat Memainkan Peranan Yang Lebih Berkesan"( Kertas Kerja Seminar Kebangsaan. Peranan Ibu Bapa Dalam Membantu Perkembangan Sahsiyah Anak-anak di Usia Persekolahan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 2.

<sup>57</sup> Azizah Lebai Nordin & Zaiton Ishak (1999), *Pendidikan Pra Sekolah Untuk Guru, Siri Pengajian & Pendidikan Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn, Bhd., h. 50-52.

<sup>58</sup> Rozumah Baharuddin (1992), *op.cit.*, h. 73.

b) Persekitaran pendidikan<sup>59</sup>

**a) Warisan.**

Warisan atau genetik ialah sifat-sifat ibu bapa sama ada baik ataupun tidak yang turun kepada anak. Walau bagaimanapun, sifat-sifat berkenaan boleh berubah kerana manusia adalah tertakluk kepada perubahan setelah lahir ke dunia. Maksud wahyu Allah di bawah ini adalah satu daripada dalil utama mengenai warisan.<sup>60</sup>

Firman Allah :

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرِجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۗ  
وَالَّذِي خُبثَ لَا يَخْرِجُ إِلَّا نَكِدًا ۗ  
كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ



Surah al-‘Araf (7) : 58

Maksudnya:

*“Dan tanah yang baik (tanah yang subur) akan menghasilkan tanaman (yang subur dan hasil yang banyak) dengan izin Allah. Dan tanah yang tidak baik (tidak subur) tidak akan mengeluarkan (hasil yang banyak) kecuali*

<sup>59</sup> Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *Pendidikan Anak-anak*, c. 2. Selangor: Alam Pintar Enterprise, h. 102.

<sup>60</sup> Ibid.



*(hanyalah) tanaman yang merana. Demikianlah Kami (Allah S.W.T.) mengulangi Tanda-tanda Kebesaran (Kami-Allah S.W.T.) untuk orang-orang yang bersyukur.”*

Intipati ayat suci di atas menjelaskan seorang bapa yang baik adalah seumpama tanah yang baik (yang subur) maka tanam-tanaman di atasnya (anak-anaknya) akan hidup subur. Sebaliknya seorang bapa yang tidak baik adalah seumpama tanah yang tidak baik (tanah yang tidak subur) maka tanam-tanaman di atasnya (anak-anaknya) akan hidup merana.<sup>61</sup>

Firman Allah:

هُوَ الَّذِي يُصَوِّرُكُمْ فِي الْأَرْحَامِ كَيْفَ  
يَشَاءُ ۚ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ



Surah al- Imran (3): 6

Maksudnya:

*“ Dialah (Allah S.W.T.) yang membentuk kamu dalam rahim sepertimana yang dikehendakiNya.....”*

Berdasarkan ayat suci di atas, Allah S.W.T. yang membentuk setiap manusia dalam rahim ibunya sepertimana yang dikehendakiNya.

---

<sup>61</sup> *Ibid.*

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“ Sesungguhnya, penciptaan kamu adalah di atas kebijaksanaan ini. Bahagian-bahagian (tubuh) seorang daripada kamu telah dikumpulkan selama 40 hari di dalam perut ibunya di dalam ‘bentuk darah’ . Selepas itu, ia (bentuk darah) menjadi ‘segumpal darah’ selama 40 hari lagi. Kemudian, ia (segumpal darah) menjadi ‘seketul daging’, dan 40 hari kemudian (seketul daging itu menjadi bayi).....”<sup>62</sup>*

Maksud hadis di atas menjelaskan proses kejadian bayi dalam rahim ibunya. Dari setitis air mani yang bercantum dalam rahim dan bergerak-gerak selama 40 hari kemudian berubah menjadi segumpal darah selama 40 hari lagi. Setelah itu, segumpal darah tersebut berubah menjadi seketul daging selama 40 hari lagi. Akhirnya seketul daging berkenaan berubah menjadi ‘daging yang mempunyai urat’ iaitu anak yang belum cukup sifat.<sup>63</sup>

Hukum warisan (sifat ibu berpindah kepada anak) menunjukkan anak dalam rahim dididik (dipengaruhi) oleh dalaman (sifat-sifat dalaman termasuk roh, pemikiran dan perasaan) ibunya. Dengan erti kata lain, dalaman anak yang berada dalam rahim berkembang mengikut kualiti dalaman ibunya. Sekiranya dalaman ibunya kotor (berdosa, buruk) maka dalaman anak akan menjadi kotor. Begitu juga, selain dalaman suami yang kotor memberi kesan ke atas dalaman isteri, dalaman bapa yang kotor juga akan memberi

---

<sup>62</sup> Muslim (1971), *Sahih Muslim*, no. hadis 6390. j. 4, Beirut: Dar al-‘Arabia, h. 1391,

<sup>63</sup> Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 103.

kesan ke atas dalaman anak dalam rahim berdasarkan tiga maksud ayat suci al-Quran di bawah ini:

Firman Allah:

ثُمَّ كَانَ عَاقِبَةَ الَّذِينَ أَسَاءُوا السُّوْءَىٰ ۚ  
كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا  
يَسْتَهْزِءُونَ ﴿١٠﴾

(Surah al-Rum (30): 10)

Maksudnya:

*“Kemudian, kesan (akibat) orang –orang yang melakukan (perbuatan-perbuatan) yang buruk (dosa-melanggar perintah Allah) (kerana menurut nafsu mereka) adalah lebih buruk kerana mereka mendustakan ayat-ayat Allah dan mereka sering memperolok-olokkannya (mempermain-mainkannya)”*

Firman Allah:

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمْتَ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ  
لَيْسَ بِظَلَمٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٥١﴾

Surah al-Anfal (8): 51

Maksudnya:

*“Demikian itu kerana perbuatan tangan kamu sendiri, dan sesungguhnya Allah S.W.T. tidak berlaku ‘zalim’ (zulm-‘tidak meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sebenar)”*

Firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ النَّاسَ شَيْئًا وَلَكِنَّ  
النَّاسَ أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٤﴾

Surah Yunus (10): 44

Maksudnya:

*“ Sesungguhnya, Allah S.W.T. sedikit pun tidak menzalimi manusia tetapi manusia sendiri yang menzalimi diri mereka”*

Dalam sebuah hadis yang menceritakan perihal Nabi s.a.w kepada Fatimah al-Zahra’ pada malam pertama perkahwinannya sebagaimana sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

*“ Berhati-hatilah pada malam ini kamu (Fatimah al-Zahra’) (supaya) tidak membuat dosa iaitu (supaya) jangan berlaku ketidaksefahaman antara suami isteri, dan yang mengaibkan itu adalah ketidaksefahaman suami isteri yang akan menyebabkan anak (benih) yang ada dalam kandungan memikul dosa-dosa (kamu).”<sup>64</sup>*

<sup>64</sup> Husain Mazahiri (1375), *Tarbiyate farzand az nazare Esлом* (terj: Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam), j. 20. c. 5. Iran: Instisharat Sazmane Tablighate Esлом, h. 59.

Maksud hadis di atas menasihatkan pasangan yang sudah berakad nikah supaya tidak terlibat dengan dosa pada malam pertama perkahwinan mereka. Sekiranya mereka terlibat dengan dosa pada malam tersebut maka syaitan akan duduk di sebelah benih (anak) di dalam rahim ketika mereka mengadakan hubungan seksual. Ini akan memberi kesan buruk ke atas anak dalam kandungan dan apabila anak tersebut membesar mereka sukar untuk menerima dan memahami ilmu-ilmu yang utama di sisi Allah termasuk ilmu akhlak kerana dihasilkan dengan persekutuan bersama syaitan.<sup>65</sup>

Ini menunjukkan sewaktu anak berusia 120 hari atau 4 bulan dalam rahim ibunya, jika malaikat yang ditugaskan membentuk anak dalam rahim ibu mencatat kecelakaan di dahi anak (anak tidak akan diberkati Allah) adalah disebabkan kesalahan (dosa) ibu bapanya. Oleh yang demikian, Allah S.W.T. tidak menetapkan anak di dalam rahim ibunya setelah lahir akan hidup di dunia dengan memiliki kecelakaan. Apa yang sebenarnya berlaku Allah S.W.T. hanya memerintahkan malaikat yang ditugaskan membentuk anak dalam rahim ibunya mencatat di dahi anak sama ada celaka ataupun bahagia dan bukannya menetapkan kecelakaan ataupun kebahagiaan anak berkenaan.

Kecelakaan ataupun kebahagiaan yang dicatat di dahi anak adalah bergantung kepada perbuatan dan juga sifat-sifat ibu bapanya. Jika ibu bapa tidak melakukan dosa dan memiliki sifat-sifat yang mulia maka malaikat yang bertugas dan mencatat kebahagiaan pada dahi anak dan begitulah sebaliknya. Justeru itu, sebelum berkahwin para remaja muslim seharusnya benar-benar dapat memastikan dengan siapakah ia akan berkahwin

---

<sup>65</sup> Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 88.

kerana dalaman (roh, pemikiran dan perasaan) dan sifat ibu bapa akan berpindah kepada anak yang bakal dilahirkan.<sup>66</sup>

Dengan yang demikian, manusia sendiri yang memilih kebahagiaan ataupun kecelakaan untuk anaknya yang berada di dalam rahim ibunya. Walau bagaimanapun, sifat-sifat berkenaan boleh berubah kerana manusia adalah tertakluk kepada perubahan setelah dilahirkan ke dunia.

### **b) Persekitaran pendidikan**

Firman Allah:

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ  
وَنَادَى نُوحٌ أُمَّهُ وَكَانَ فِي مَعْزِلٍ  
يَبْنِي أَرْكَبَ مَعَنَا وَلَا تَكُنْ مَعَ  
الْكَافِرِينَ قَالَ ﴿ۙ﴾ سَاوِيَ إِلَىٰ جِبَلِ  
يَعَصْمِي مِنَ الْمَاءِ ۚ قَالَ لَا عَاصِمَ  
الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِلَّا مَنْ رَحِمَ ۚ

---

<sup>66</sup> *Ibid.*, h. 143.

وَحَالَ بَيْنَهُمَا الْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ  
 الْمُغْرَقِينَ ﴿٤٢﴾

Surah Huhd (11):42-43

Maksudnya:

“Dan bahtera itu berlayar membawa mereka dalam gelombang laksana gunung. dan Nuh memanggil anaknya,<sup>67</sup> sedang anak itu berada di tempat yang jauh terpencil: "Hai anakku, naiklah (ke kapal) bersama kami dan janganlah kamu berada bersama orang-orang yang kafir." Anaknyanya menjawab: "Aku akan mencari perlindungan ke gunung yang dapat memeliharaku dari air bah!" Nuh berkata: "Tidak ada yang melindungi hari Ini dari azab Allah selain Allah (saja) yang Maha penyayang". dan gelombang menjadi penghalang antara keduanya; Maka jadilah anak itu termasuk orang-orang yang ditenggelamkan.”

Firman Allah :

وَمَنْ يَعِشْ عَنْ ذِكْرِ الرَّحْمَنِ نُقِيضْ لَهُ  
 شَيْطَانًا فَهُوَ لَهُ قَرِينٌ وَإِنَّهُمْ  
 لَيَصُدُّونَهُمْ عَنِ السَّبِيلِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ  
 مُّهْتَدُونَ ﴿٤٣﴾ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَنَا قَالَ يَلَيْتَ

<sup>67</sup> nama anak nabi Nuh a.s. yang kafir itu Qanaan, sedang putra-putranya yang beriman ialah: Sam, Ham dan Jafits.

بَيْنِي وَبَيْنَكَ بُعْدَ الْمَشْرِقَيْنِ فَبِئْسَ  
الْقَرِينُ



Surah al-Zukhruf (43): 36-38

*Maksudnya:*

*“ Barangsiapa yang berpaling dari pengajaran Tuhan yang Maha Pemurah (Al Quran), kami adakan baginya syaitan (yang menyesatkan) Maka syaitan Itulah yang menjadi teman yang selalu menyertainya. Dan Sesungguhnya syaitan-syaitan itu benar-benar menghalangi mereka dari jalan yang benar dan mereka menyangka bahwa mereka mendapat petunjuk. Sehingga apabila orang-orang yang berpaling itu datang kepada kami (di hari kiamat) dia berkata: "Aduhai, semoga (jarak) antaraku dan kamu seperti jarak antara masyrik dan maghrib, Maka syaitan itu adalah sejahat-jahat teman (yang menyertai manusia)".*

Berdasarkan ayat-ayat di atas, faktor persekitaran memberi kesan kepada pendidikan anak-anak. Persekitaran termasuklah persekitaran rumah yang tidak sihat seperti ibu bapa atau adik-beradik selalu bertengkar dan melakukan perkara-perkara yang buruk . Didikan di rumah memberi kesan yang besar ke atas iman anak-anak apatah lagi akhlak mereka. Oleh kerana itu, hadis di bawah ini menyebut perkara terbaik yang diwariskan (ditinggalkan, diturunkan) oleh seorang bapa kepada anak-anaknya adalah akhlak yang baik (percakapan dan perbuatan yang kena pada tempatnya):



*“ Sebaik-baik perkara yang diwariskan (oleh) para bapa kepada anak-anak adalah adab (percakapan dan perbuatan yang baik; akhlak yang baik)”<sup>68</sup>*

Oleh itu ibu bapa seharusnya mendidik akhlak mereka lebih dahulu dan mengamalkan akhlak yang baik sebelum mendidik anak-anak mereka. Ini kerana anak-anak akan mengikut apa yang dilakukan oleh ibu, abang atau kakak mereka. Dengan yang demikian ibu bapa haruslah menjaga akhlak, personaliti dan ketrampilan diri kerana anak-anak adalah seumpama kain putih, ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorakkan kain tersebut. Apatah lagi, pendidikan di rumah memberi kesan yang mendalam ke atas iman dan akhlak anak-anak.

Tidak ada ertinya anak-anak yang dibesarkan di rumah tetapi tidak mendapat kasih sayang ibu bapa, dan mendapati bapa mereka tidak pedulikan lagi ibu mereka dan sebaliknya. Keadaan hidup yang tidak tenteram itulah akan memberi kesan negative ke atas dalaman, perlakuan dan kehidupan masa depan mereka. Antaranya, mereka akan menjadi orang yang mementingkan diri dan tidak memiliki sifat pengasih dan penyayang. Sekiranya mereka di peringkat usia 5-10 tahun mereka akan memukul adik-adiknya malah tidak pedulikan adik-adiknya.

Sebaliknya, suami isteri yang dapat menjaga dengan baik kebahagiaan hidup berumah tangga maka para malaikat ‘a.s. akan turun ke sisi jenazah mereka apabila mereka meninggal dunia. Firman Allah:

---

<sup>68</sup> Murtada Farid (1372), *Al-Hadith*, j. 1, c. 5. Tehran: Daftar Nashar Farhang Islamy, h. 172.

وَالنَّشِيطَاتِ نَشِطًا ۝ وَالسَّابِحَاتِ سَبْحًا ۝  
 فَالسَّابِقَاتِ سَبْقًا ۝ فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا ۝

Surah al-Nazi'at (79) : 2-5

*Maksudnya:*

“ Dan (Malaikat-malaikat) yang mencabut (nyawa) dengan lemah-lembut, Dan (Malaikat-malaikat) yang turun dari langit dengan cepat, Dan (Malaikat-malaikat) yang mendahului dengan kencang, Dan (Malaikat-malaikat) yang mengatur urusan (dunia)”

Berdasarkan ayat di atas, balasan ibu bapa yang menjaga rumahtangganya termasuklah mendidik anak-anak dengan baik, maka apabila mereka meninggal dunia di dapati di sekeliling tempat mereka meninggal dunia tersebut akan dipenuhi dengan para malaikat dan Nabi Muhammad s.a.w. (dalam bentuk yang tidak diketahui) akan sama-sama memandikan serta mengkafankan mayat mereka dan bersama-sama membawa jenazah mereka ke tanah perkuburan<sup>69</sup>

Selain itu, Ilmu pengetahuan juga adalah penting untuk diterapkan kepada anak-anak kerana dengan ilmu dan matahati yang jernih ( dapat memahami, merasai Kekuasaan dan Kebesaran Allah) sahaja akan memberi kesan terhadap pendidikan yang diberi kepada mereka. Ibu bapa perlu menerangkan kepada anak-anak mengenai kesan-kesan buruk yang akan diterima oleh orang-orang yang tidak mendapat didikan agama.<sup>70</sup>

<sup>69</sup> Husain Mazahiri (1375), *op.cit.*, h. 179-190.

<sup>70</sup> Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*,h. 262.

### **3.6 Kesimpulan**

Kesimpulannya, kanak-kanak merujuk kepada seseorang yang belum mencapai umur baligh. Walaupun dalam tempoh tersebut tidak diambil kira dalam persoalan hukuman atau dengan kata lain pengecualian eksklusif namun soal pendidikan dalam jangka waktu itu tidak boleh diabaikan oleh ibu bapa. Pengetahuan mengenai perkembangan kanak-kanak dari sudut psikologi, fisiologi, sosiologi serta faktort-faktor yang mempengaruhi perkembangan mereka adalah perkara yang amat penting dalam merangka dan membentuk silibus atau isi kandungan pengajaran yang selaras dengan pencapaian tahap penerimaan mereka. Dalam pengajaran silibus tersebut juga memerlukan kepada metode-metode yang sesuai dengan kemampuan kanak-kanak. Penggunaan metode yang betul berasaskan pengetahuan perkembangan kanak-kanak akan memudah dan mempercepatkan proses penerimaan dan pemahaman kanak-kanak